

## Bangunan PAM paling hijau

**Kuala Lumpur:** Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) berhasrat menjadikan bangunan terbarunya, Pusat PAM di Jalan Tandok, Bangsar sebagai bangunan paling hijau di bandar ini.

Pusat PAM yang menjadi pusat pangkalan persatuan itu mempunyai keluasan 3,782 kaki persegi mempunyai ciri mampan, inovasi dan ekonomi berdaya maju.

Presidennya Ar Ezumi Harzani berkata, bangunan berkenaan bukan saja direka bentuk menjadi sebahagian aspirasi arkitek termaju, malah merangkumi ciri mesra alam, budaya, masyarakat serta minimal.

Beliau berkata, pada mulanya PAM berhasrat membeli bangunan empat tingkat di Jalan Tandok untuk membangunkan pusat bercirikan seni kontemporari.



**FAKTA**  
Pusat PAM  
mempunyai  
keluasan 3,782  
kaki persegi

**SULTAN** Sharafuddin ketika Majlis Pelancaran bangunan baru PAM di Jalan Tandok, semalam.

“Bagaimanapun, rancangan itu ditukar selepas dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan notis mengosongkan premisnya di Jalan Tangsi pada 2012.

“Oleh itu, Ahli Jawatankuasa PAM mengambil keputusan membangunkan Pusat PAM yang juga ibu pejabat persatuan di Jalan Tangsi berbanding rancangan asal memba-

ngunkan bangunan bercirikan seni arkitek,” katanya pada majlis perasmian Pusat PAM oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, di sini, semalam.